

05 JUN 1998

Mahathir-Muhammad

MAHATHIR AKAN PASTIKAN HARTA MUHAMMAD DI AUSTRALIA

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan memastikan sama ada Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib telah mengisytiharkan kepada beliau harta bekas Menteri Besar Selangor itu di Australia.

"Saya mahu pastikan dahulu sama ada harta yang beliau sebutkan di Australia telahpun diisytiharkan," kata Perdana Menteri kepada pemberita sekembalinya dari lawatan kerja ke Jepun hari ini.

Ketika menjawab soalan mengenai Muhammad yang dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane minggu lepas daripada tuduhan membuat perisytiharan palsu memiliki RM20,000 ketika memasuki Australia dan gagal membuat laporan membawa keluar mata wang asing yang nilainya lebih A\$1.2 juta pada Disember 1996, Dr Mahathir berkata: "Yang menimbulkan persoalan ialah tidak mengisytiharkannya sekarang, ia adalah soal sama ada anda mempunyai harta sejumlah itu dan mengisytiharkannya."

Semasa ditanya mengenai keputusan jawatankuasa disiplin dan pengurusan UMNO supaya Muhammad mengisytiharkan hartanya kepada presiden parti, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata itu adalah isu lain.

"Satu ialah mengisytiharkan harta kepada Perdana Menteri. Presiden parti tidak meminta supaya harta diisytiharkan kepadanya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata semua menteri dan menteri besar mesti mengisytiharkan harta mereka kepada beliau setiap dua tahun apabila terdapat pertambahan atau perubahan.

Ketika ditanya sama ada Muhammad telah mengisytiharkan hartanya di Australia dalam perisytiharan sebelumnya, Dr Mahathir berkata beliau tidak ingat memandangkan ia dibuat dua tahun lalu.

"Mungkin dia telah berbuat demikian kerana saya tidak menyemak semuanya. Saya cuba menyemak sepintas lalu bagi memastilkan borang perisytiharan itu diisi dengan betul dan tiada apa yang luar biasa mengenainya," kata Perdana Menteri.

Mengenai sama ada bekas Menteri Besar Selangor itu telah membuat perisytiharan selepas kesnya, Dr Mahathir berkata beliau tidak menerima apa-apa perisytihatan.

Muhammad ialah seorang daripada tiga naib presiden Umno tetapi beliau telah bercuti daripada jawatannya dalam parti sejak perbicaraan kesnya di Australia.

Ketika ditanya sama ada beliau sedia menemui Muhammad, Dr Mahathir berkata: "Saya boleh jumpa dia. Dia ahli parti dan juga naib presiden walaupun sedang bercuti. Nak jumpa saya, jumpalah."

Muhammad memberitahu wartawan Malaysia di Brisbane selepas mahkamah membuat keputusan itu bahawa beliau telah menjual hartanah di Sovereign Island, Australia tahun lalu walaupun rugi dan akan menjual ladang seluas 4,400 hektar di Currajong Park di Queensland.

Muhammad berkata beliau dan keluarganya juga bercadang untuk menjual tiga hartanah mereka di New Zealand.

-- BERNAMA
RAZ FAZ MAI